



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI
MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT AND COOPERATIVES



CBRM 2.0

**SKIM PEMBIAYAAN PEMULIHAN
PERNIAGAAN MIKRO 2.0
(COVID BUSINESS RECOVERY
MICRO – CBRM 2.0)**

MEMBANTU USAHAWAN
YANG TERJEJAS
DENGAN PANDEMIK
COVID 19



Sebagai langkah berjaga-jaga bagi membendung penularan wabak Covid-19 anda digalakkan berurusan melalui saluran berikut :

@tekunnasional

03 9059 8888 (Waktu pejabat)

<http://fems.tekun.gov.my/>



"Teman Niaga Anda"



LINDUNG
DIRI,
LINDUNG
SEMUA.



Apakah Skim Pembiayaan Pemulihan Perniagaan Mikro 2.0 (CBRM 2.0)?

Skim Pembiayaan Pemulihan Perniagaan Mikro 2.0 (CBRM 2.0) adalah pembiayaan kepada usahawan TEKUN sedia ada dan usahawan baharu yang terjejas ekoran pandemik COVID-19 bagi membolehkan mereka kembali beroperasi dan memulihkan semula perniagaan mereka.

Apakah objektif Skim Pembiayaan Pemulihan Perniagaan Mikro 2.0 (CBRM 2.0)?

Untuk membantu usahawan baharu dan sedia ada yang terkesan akibat pandemik COVID-19 yang menjalankan perniagaan dalam bidang non-essential, aktiviti sosial dan aktiviti rangkaian bagi memulihkan dan memulakan perniagaan dalam kesukaran masa pandemik COVID-19.



Apakah syarat-syarat utama memohon Skim Pembiayaan Pemulihan Perniagaan Mikro 2.0 (CBRM 2.0)?

- **Bumiputera / India dan warganegara Malaysia**
- **Berumur 18 tahun dan ke atas (tempoh pembiayaan tidak melebihi 65 tahun)**
- **Mempunyai lesen / permit daripada Pihak Berkuasa Tempatan atau Daftar Perniagaan (SSM)**
- **Terlibat secara langsung atau separuh masa dalam perniagaan yang dijalankan**
- **Mempunyai tempat / lokasi perniagaan yang khusus atau secara bergerak**
- **Bebas daripada sebarang tindakan undang-undang dan kebankrapan**
- **Baki pembiayaan sedia ada tidak melebihi RM 100,000**
- **Aktiviti yang dijalankan adalah patuh syariah**





Berapakah jumlah pembiayaan yang ditawarkan oleh Skim Pembiayaan Pemulihan Perniagaan Mikro 2.0 (CBRM 2.0)?

Nilai pembiayaan sebanyak RM1,000 – RM 10,000 ditawarkan kepada usahawan baru manakala RM1,000 – RM20,000 ditawarkan kepada usahawan TEKUN sedia ada.



Berapakah kadar keuntungan bagi skim Skim Pembiayaan Pemulihan Perniagaan Mikro 2.0 (CBRM 2.0)?

Tiada kadar keuntungan dikenakan.



Berapa lamakah tempoh proses Skim Pembiayaan Pemulihan Perniagaan Mikro 2.0 (CBRM 2.0)?

Proses kelulusan dalam masa 7 hari bekerja. (Tertakluk pada terma dan syarat)





Adakah pembiayaan saya dilindungi insurans?

Pembiayaan dilindungi oleh Insuran Takaful dengan syarat masih dalam tempoh pembiayaan.



Adakah TEKUN melantik ejen / wakil untuk menguruskan Skim Pembiayaan Pemulihan Perniagaan Mikro 2.0 (CBRM 2.0)?

TEKUN tidak melantik ejen / wakil untuk menguruskan permohonan pembiayaan ini.



Saya merupakan usahawan TEKUN sedia ada, adakah saya layak memohon skim ini?

Ya, anda layak memohon skim ini sekiranya rekod bayaran balik anda tidak tertunggak melebihi 6 bulan

Adakah Skim Pembiayaan Pemulihan Perniagaan Mikro 2.0 (CBRM 2.0) ini mempunyai simpanan seperti skim pembiayaan TEKUN yang lain?

Usahawan menerusi CBRM 2.0 dikecualikan daripada membayar simpanan.

Apakah jenis sektor perniagaan yang layak memohon skim ini?

Sektor perniagaan yang layak memohon skim ini adalah seperti Peruncitan, perkhidmatan, pembuatan, Kontraktor kecil, perniagaan online , pertanian dan perusahaan asas tani.

Bagaimana cara saya memohon Skim Pembiayaan Pemulihan Perniagaan Mikro 2.0 (CBRM 2.0)?

Boleh berhubung dengan pegawai di pejabat cawangan TEKUN yang berhampiran atau boleh memohon secara dalam talian di <https://tekunfin.tekun.gov.my>

Bagaimana saya boleh mengetahui alamat dan nombor telefon pejabat- pejabat TEKUN?

Maklumat lengkap Pejabat Cawangan TEKUN di seluruh negara boleh dilayari melalui link berikut : www.tekun.gov.my/ms/hubungi-kami/connections/

